

Britain di ambang kemarau terburuk

LONDON - Britain berada di ambang musim kemarau paling buruk sejak tahun 1976 selepas beberapa bahagiandi negara itu menerima taburan hujan cuma tiga peratus daripada biasa, lapor akhbar *The Sun* kelmarin.

Satu sidang tergepar diadakan oleh Kumpulan Kemarau Kebangsaan kelmarin dalam usaha untuk mengatasi krisis tersebut susulan sebilangan kawasan di Britain menerima hujan hanya 1.6 milimeter (mm)pada bulan ini.

Krisis kemarau mungkin diisytiharkan dalam beberapa hari akan datang, dan berkemungkinan disusuli oleh larangan tegas berkaitan penggunaan paip air di seluruh negara. Keadaan itu berlaku ketika Britain berdepan amaran suhu tinggi melebihi 40 darjah Celsius yang diramal berlarutan selamabeberapa minggu.

Di bawah peraturan baharu tersebut, orang ramai dilarang menggunakan paip air untuk aktiviti seperti menyiram taman, membasuh kereta dan mengisi kolam.

Merdeka yang ingkar berdepan denda sehingga £1,000 (RM5,378).




ORANG ramai berehat di sebuah persiaran di Blackpool, England pada 17 Julai lalu. - AFP

Menurut sumber kerajaan, dari sudut cuaca panas dan taburan hujan, situasi semasa boleh dibandingkan dengan keadaan pada tahun 1976.

"Kita telah menyaksikan taburan hujan di bawah purata semasa musim sejuk dan bunga. Ia juga sangat kering dan panas ketika separuh pertama musim panas," ujar sumber tersebut.

Sepanjang musim panas ini, Britain hanya menerima 55mm taburan hujan, kurang separuh daripada purata yang diramal.

Tambah sumber sama, kebanyakan kawasan di England telah bertukar status kepada Cuaca Kering Berpanjangan dan sekiranya keadaan itu berterusan, musim kemarau dijangka berlaku pada Ogos ini.



MUSIM panas di Britain pada 1976 merupakan satu daripada rekod paling ekstrem pernah dicatatkan negara itu. - GETTY IMAGES

"Apabila Kumpulan Kemarau Kebangsaan membawa perkara ini ke mesyuarat, ia menunjukkan bahawa situasi terkini amat genting. Tekanan semakin memuncak," ujarnya.

Musim panas di Britain pada 1976 merupakan antara rekod paling ekstrem pernah dicatatkan dengan suhu kekal di atas 32 darjah Celsius selama 15 hari berturut-turut. - AGENSI